

07 OCT 1997

Pengembara

SAYA DATANG KE MALAYSIA KERANA DR MAHATHIR, KATA PENGEMBARA JEPUN

KOTA BAHARU, 7 Okt (Bernama) -- "Saya datang ke Malaysia kerana Dr Mahathir," kata seorang pengembara Jepun Kenichi Shibuta yang mengunjungi negara ini dengan berbasikal.

Beliau singah di Malaysia dalam pengembaraannya mengelilingi negara-negara Asia dengan menggunakan `mountain bike' sejak 27 Feb lepas. Negara pertama yang dilawatnya ialah New Zealand.

Menurut Shibuta, 30, selama ini beliau mendengar ketokohan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di arena antarabangsa.

"Dr Mahathir begitu hebat dan lantang bersuara mengenai kebenaran dan saya kagum dengan beliau," katanya ketika ditemui pemberita di sini hari ini sebelum meneruskan pengembaraannya ke Bangkok, Thailand.

Shibuta berkata beliau juga mengunjungi Malaysia kerana ingin melihat sendiri kehidupan rakyat pelbagai kaum di negara ini dan kagum dengan perpaduan erat di kalangan mereka serta kemajuan pesat negara.

"Kereta Proton juga begitu cantik dan hebat," katanya sambil menjelaskan dia pernah melihat gambar kereta Proton dalam sebuah majalah di negaranya.

Selain New Zealand dan Malaysia, Shibuta telah menjelajah Kepulauan Fiji, Australia, Bali, Jakarta dan Singapura. Pengembaraannya dijadual berakhir bulan depan.

Di Singapura, beliau menyambut harijadinya yang ke-30 pada 26 Sept lepas dan Shibuta menyifatkan hari itu sebagai saat paling manis dalam hidupnya.

Shibuta merupakan seorang graduan jurusan ekonomi Universiti Meiji Gakuin, Tokyo dan bekerja sebagai wakil jualan di sebuah syarikat di daerah Otemachi, Tokyo.

Beliau membelanjakan sebanyak US80,000 untuk pengembaraan ini dan gembira kerana tidak pernah mengalami kecederaan dan kecurian di setiap destinasi yang dilawatnya.

Shibuta juga berhasrat untuk membukukan pengembaraannya ini sekembalinya ke Jepun kelak. -- BERNAMA

ZI RON